

Bengkel Kecemerlangan Diri Pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan Panggau, Perlis

Oleh ; Fazlina Md. Fadzil

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UniMAP telah menganjurkan Bengkel Kecemerlangan Diri Pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan Panggau pada 11 hingga 14 Disember 2008 di Kem Bina Negara Kuarters KLIA Nilai, Negeri Sembilan. Program ini merupakan salah satu program khidmat sosial dirangka khusus agar mahasiswa turun padang dalam memberi sumbangan kepada komuniti masyarakat di sekitar kampus UniMAP. Program ini disertai oleh 70 orang pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan Panggau dan 7 orang guru. Seramai 25 orang mahasiswa UniMAP terlibat sebagai fasilitator kepada para pelajar berkenaan.

Antara objektif pelaksanaan bengkel ini adalah untuk memberi suntikan motivasi kepada pelajar sekolah berkenaan tentang perihal pentingnya menuntut ilmu. Modul yang digunakan dalam bengkel ini turut memberi penekanan tentang pembentukan jati diri yang tinggi kepada pelajar sekolah tersebut. Sekurang-kurangnya dengan pembentukan jati diri yang tinggi sudah pasti kelak akan dapat melahirkan modal insan yang berkualiti dan unggul serta cemerlang dalam bidang akademik dan pembangunan sahsiah.



Selain dari mengikuti slot ceramah dan latihan dalam kumpulan (LDK), para pelajar sekolah ini juga berpeluang menghadiri Majlis Perasmian Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2008 yang berlangsung di Stadium Bukit Jalil pada 13 Disember 2008 dan dibawa melawat ke beberapa tempat menarik seperti di Lapangan Terbang KLIA, Litar F1 Sepang dan sekitar Putrajaya.

Sekolah ini dipilih ekoran majoriti pelajar sekolah ini adalah berasal dari kalangan masyarakat di mana taraf ekonomi keluarga berada di tahap kemiskinan tegar. Atas kesedaran tersebut, pihak UniMAP terpanggil untuk menyumbang kepada pembangunan akademik dan sahsiah masyarakat khususnya kepada pelajar sekolah ini. Bengkel ini telah mencapai objektifnya apabila pelajar sekolah ini dilihat menunjukkan respon yang positif dan mendapat suntikan semangat motivasi diri untuk berjaya dalam bidang akademik pada masa hadapan.